

ISLAM DAN HAK PEWARISAN HARTA WANITA

Nurul Farhain Ali Akhbar
Siti Nur Asma Mat Keri
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Ali Akhbar, N. F., Mat Keri, S. N. A., & Jasmi, K. A.(2012). Islam dan Hak Pewarisan Harta Wanita in *Prosiding Seminar Tamadun 2012* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012, pp. 89-107. ISBN 978-967-0194-19-6.

Abstrak

Kertas kerja kami memperihalkan isu-isu mengenai pembahagian harta pusaka atau hak wanita dalam mewarisi harta pusaka. Antara perkara yang terdapat dalam kertas kerja ini adalah perbezaan martabat wanita ketika zaman jahiliah (sebelum kedatangan Islam) dan selepas kedatangan Islam. Selain itu pembahasan harta pusaka antara anak lelaki dan perempuan, keadaan dimana wanita berhak mendapat lebih atau sama dengan jumlah pewarisan harta lelaki, pembahagian harta kepada isteri dan anak-anak serta pembahagian harta bagi wanita yang diceraikan oleh suami ketika masih dalam iddah. Dalam kertas kerja ini juga disertakan dengan keadaan tertentu dalam pembahagian harta serta sebab mengapa pembahagi harta menjadi sedemikian.

ISLAM DAN HAK PEWARISAN HARTA WANITA

**Nurul Farhain Ali Akhbar
Siti Nur Asma Mat Keri
Kamarul Azmi Jasmi**

Abstrak

Kertas kerja kami memperihalkan isu-isu mengenai pembahagian harta pusaka atau hak wanita dalam mewarisi harta pusaka. Antara perkara yang terdapat dalam kertas kerja ini adalah perbezaan martabat wanita ketika zaman jahiliyah (sebelum kedatangan Islam) dan selepas kedatangan Islam. Selain itu pembahagian harta pusaka antara anak lelaki dan perempuan, keadaan dimana wanita berhak mendapat lebih atau sama dengan jumlah pewarisan harta lelaki, pembahagian harta kepada isteri dan anak-anak serta pembahagian harta bagi wanita yang diceraikan oleh suami ketika masih dalam iddah. Dalam kertas kerja ini juga disertakan dengan keadaan tertentu dalam pembahagian harta serta sebab mengapa pembahagi harta menjadi sedemikian.

PENGENALAN

Pusaka juga boleh disebut sebagai wasiat atau peninggalan. Dari segi bahasa, perkataan wasiat berasal daripada perkataan ‘wassa’ yang membawa maksud satu bentuk perintah, nasihat, perjanjian atau pemberian harta daripada seseorang yang meninggal dunia. Tambahan pula, menurut ahli-ahli fiqah Syafie, wasiat berasal daripada kata sifat ‘wassa’, iaitu menghubungkan atau menyampaikan. Manakala dari segi istilah pula, wasiat bererti sumbangan atau pemberian oleh seseorang kepada pihak yang lain setelah orang itu meninggal dunia sama ada perkataan wasiat itu diucapkan atau tidak. Selain itu, menurut

mazhab Syafie, wasiat merupakan pemberian sesuatu hak oleh seseorang yang dilakukan selepas berlakunya kematian pewasiat sama ada pewasiat menggunakan lafaz ataupun tidak. Manakala menurut Abdul Karim Zaydan, wasiat juga membawa maksud memberi sesuatu yang dimiliki oleh seseorang secara sukarela kepada pihak lain yang dilakukan selepas kematian pewasiat sama ada dari segi wang ringgit, harta benda, hutang dan sebangainya sama ada ianya memberi manfaat atau sebaliknya. Ilmu pusaka dalam bahasa Arab pula dikenali dengan nama ‘ilmu faraidh’ atau ‘ilmu mirath’ yang membawa maksud perpindahan atau pengalihan sesuatu daripada seseorang individu kepada pihak yang lain atau kaum yang lain. Perpindahan ini meliputi harta atau ilmu atau kebesaran ataupun kemuliaan (Norzulaili Mohd Ghazali, 2009). Hal ini dibuktikan dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“Para nabi mewariskan para ulama bukan dengan dirham ataupun dinar, sesungguhnya mereka mewariskan ilmu. Dengan mengambil ilmu yang diwasiatkan sesungguhnya dia mengambil bahagian yang banyak”.

Manakala maksud faraid atau mirath dari sudut istilah pula ialah ilmu yang dimiliki bagi menentukan tiap-tiap hak dari pusaka dan merupakan satu bentuk pembahagian atau perkiraan yang ditetapkan oleh syarak dalam pembahagian harta peninggalan si mati kepada waris-waris yang layak menerimanya (Norzulaili Mohd Ghazali, 2009). Sementara wasiat atau pusaka menurut Kamus Dewan ialah segala harta benda yang ditinggalkan dan diwasiakan oleh seseorang yang meninggal dunia. (Kamus Dewan, 2002: 1074).

SEJARAH AWAL PEWARISAN SEBELUM ISLAM

Sebelum kedatangan Islam pada zaman Empayar Rom, dalam sesebuah perkahwinan suami boleh menzalimi isterinya kerana pihak berkuasa memberikan suami kuasa untuk menghukum isterinya dengan cara mereka sendiri. Selepas kedatangan Islam, undang-undang Rom menjadi adil kerana Islam sangat menekankan prinsip keadilan dalam melakukan

sesuatu. Islam memberi gambaran bahawa wanita bukan harta yang boleh ditukar milik dari seorang individu kepada individu yang lain (Imam A. M. Khattab, 2012)

Sebagai mana yang kita ketahui dan sering kali kita mendengar ungkapan bahawa wanita dianggap sebagai kaum yang lemah dan sering ditindas. Lebih-lebih lagi ketika zaman jahiliah, iaitu zaman sebelum kedatangan Islam. Wanita sering dipandang hina dan dianggap membawa sial dalam keluarga. Ketika itu dunia menganggap lelaki amat bagus dan kaum lelaki mendidominasi dunia ketika itu. Oleh kerana itu golongan lelaki menjadikan wanita mangsa diskriminasi dan sering diperlakukan dengan perbuatan yang kejam. Dalam undang-undang Rom ada menyebut kaum wanita apabila dikahwini segala harta dan diri mereka menjadi hak suami dan isteri juga dianggap sebagai harta yang dibeli suami (Jamal A. Badawi, 1980). Undang-undang Inggeris pula menyifatkan bahawa semasa berkahwin semua harta benda isteri menjadi hak suami dan suami berhak menguruskan segala harta tersebut. Namun kedatangan Islam sebagai agama yang suci dan syumul mengangkat martabat dan kedudukan kaum wanita serta menaikkan status mereka sebagai ibu kepada semua lelaki (Shaarani Ismail, 2010). Tambahan pula, syariat Islam memberi hak dan melibatkan wanita dalam masalah pekahwinan, penceraian, pewarisan harta, pendidikan dan sebangainya. Oleh itu kertas kerja ini membincangkan tentang salah satu hak wanita, iaitu hak dari segi pewarisan harta pusaka kepada wanita.

KEHIDUPAN WANITA ZAMAN JAHILIAH

Umum mengetahui bahawa kedatangan Islam menukar sejarah kehidupan wanita, Namun sebelum kemunculan Islam, iaitu ketika zaman jahiliah wanita sering dianggap sebagai golongan yang hina dan bertaraf rendah. Tambahan pula nilai dan harga diri seorang wanita dipijak dan sangat rendah dalam keluarga mahupun masyarakat sehingga kelahiran bayi wanita amat dibenci oleh masyarakat dan dengan tanpa sebab mereka dengan mudah membunuh bayi-bayi perempuan sejak kecil lagi. Kaum wanita juga bukan sahaja tidak

dihormati malahan diperlakukan dengan sesuka hati dan sewenang-wenangnya dengan perkara yang kejam. Selain itu, layanan yang diterima oleh kaum wanita juga sangat teruk dan kejam, kaum wanita disuruh malakukan pelbagai perkara yang tidak sepatutnya seperti bekerja keras untuk menyara keluarga dan dengan mudah kaum lelaki boleh mencampuri mereka dengan sesuka hati. Ketika zaman jahiliah juga wanita tidak mendapat hak dalam pewarisan harta pusaka. Sebagai contoh, anak perempuan ketika itu tidak berhak mewarisi walau sedikit pun harta peninggalan dalam keluarga. Begitu juga kepada seorang isteri, mereka tidak berhak mewarisi walaupun hanya sedikit daripada harta pusaka suaminya. Hal ini kerana ketika itu wanita dianggap sebagai golongan yang tidak penting dan berguna dalam masyarakat. Tetapi sejak Islam muncul martabat kaum wanita diangkat tinggi dan tidak lagi dihina, malah dari segi pewarisan harta pusaka wanita tidak ada pengecualian malah wanita berhak mewarisi harta peninggalan keluarga disamping berhak mewarisi harta daripada suami. Selain daripada pewarisan harta Islam juga memandang tinggi terhadap wanita dalam sesebuah keluarga, sebagai contoh hubungan antara anak dan ibu bapa mereka. Rasulullah s.a.w. menyuruh anak-anak memuliakan dan menghormati ibunya dahulu sehingga terdapat hadis yang menyatakan bahawa syurga berada di bawah telapak kaki ibu. Berbalik kepada isu pewarisan harta, Islam juga menetapkan bahawa apa jua keadaan, wanita tetap berhak mandapat bahagian harta pusakanya (Zulkifli Ahmad, 2012).

ISLAM DAN PEWARISAN HARTA BAGI WANITA

Selepas kedatangan Islam, banyak perubahan yang di bawa bagi memastikan Islam diterima oleh semua lapisan masyarakat. Antara perubahan yang dibawa oleh Islam ialah prinsip hak untuk wanita ditubuhkan bagi memastikan hak wanita terjamin. Perkara ini terkandung dalam al-Quran surah al-Nisa yang menjelaskan cara-cara pembahagian harta pusaka secara adil antara lelaki dan perempuan. Berdasarkan kandungan ayat al-Quran itu wanita tidak lagi dinafikan hak mereka untuk pembahagian harta pusaka. Pembahagian harta pusaka antara lelaki dan perempuan mengikut undang-undang yang ditetapkan. Sebelum

turunnya wahyu ayat al- Nisa, hanya lelaki yang mendapat harta pusaka dan wanita tidak diberikan hak untuk membela nasib mereka dalam pembahagian harta pusaka. Mereka juga disisihkan oleh keluarga dan saudara mara sebelah pihak suami mereka (Jawad. H. A, 1998)

Semasa zaman jahiliah, apabila seorang lelaki kehilangan ahli keluarganya dan mereka meninggalkan balu, lelaki tersebut mengambil kesempatan merampas mas kahwin dan akan pergi ke rumah balu tersebut dan mereka mendakwa mempunyai hak untuk mengahwini wanita tersebut. Perkara ini memberi kezaliman kepada wanita kerana hak mereka tidak dibela oleh masyarakat pada zaman itu. Mereka juga akan dinafikan hak-hak mereka jika mereka terlebih dahulu sampai ke rumah keluarga mereka sebelum pewaris dan harta itu akan berpihak kepada lelaki. Penubuhan undang-undang yang membela nasib wanita menyebabkan kaum lelaki rasa tercabar dalam pembahagian harta pusaka. Perkara ini menyebabkan wujud perasaan tidak puas hati dalam kalangan lelaki kerana mereka berasa terancam dan mempertikaikan kesahihan terhadap pembahagian harta pusaka kepada wanita. Hal ini menyebabkan mereka tidak boleh menerima undang-undang yang ditubuhkan ini dan mengambil keputusan untuk tidak menerima tetapi akan tetap meneruskan adab mereka. Akibat peristiwa ini Kubasya binti Ma'an mengadu kepada Rasulullah dengan mengatakan undang-undang yang diperkenalkan tidak terdapat dalam amalan mereka kerana dia disisihkan dalam pembahagian harta pusaka suaminya (Jawad. H. A, 1998)

Bagi masyarakat Yathrib, secara automatik anak akan mewarisi ibu tirinya apabila bapanya meninggal. Walaupun dia tidak bersetuju dengan undang-undang ini tetapi dia tidak mempunyai hak untuk menolak. Dia perlu mengahwini ibu tirinya dan boleh mempunyai hubungan tetapi jika dia tidak mahu dia boleh meninggalkannya. Ini memberi kezaliman kepada wanita kerana nasib mereka tidak terbelah walaupun mereka kematian suami. Dan lebih malang jika waris itu tidak lagi matang untuk membuat keputusan sama ada menerima ibu tiri mereka atau tidak, ibu tirinya perlu menunggu. Perkara ini tidak adil kerana jika waris tidak mahu menerima mereka maka sia-sia masa yang mereka habiskan. Undang-undang ini menunjukkan waris lelaki

lebih mendapat keistimewaan berbanding waris perempuan (Jawad. H. A, 1998).

Di Mekah, hanya wanita yang tergolong dalam golongan mulia akan dikahwini dengan seseorang lelaki. Tetapi jika lelaki tersebut tihak lagi menyayangi isteri mereka, mereka boleh meninggalkan isteri tersebut dan akan berbaik semula selepas menandatangani kontrak. Ketika menandatangani kontrak tersebut, pihak lelaki akan membawa saksi-saksi bagi mengesahkan isi kandungan perjanjian tersebut. Perkara ini menunjukkan suami mempunyai kuasa dalam membuat keputusan terhadap perkahwinan mereka. Dan jika seseorang lelaki lain ingin mengahwini bekas isteri lelaki lain, beliau perlu mendapat kebenaran daripada bekas suami wanita tersebut dan jilka bekas suami tidak mngizinkan, lelaki tersebut tidak mempunyai hak terhadap wanita tersebut. Di Mekah terdapat wanita yang berkahwin menjadi mangsa kepada ancaman dan pemerasan ugut oleh individu lain. Hal ini menunjukkan di sana perlindungan terhadap wanita tidak dititik beratkan oleh individu yang bertanggungjawab. Hal ini boleh mengancam nyawa mereka dan akan menyebabkan mereka hidup dalam ketakutan seumur hidup. Bukan sahaja wanita yang berkahwin saja yang menjadi mangsa tetapi anak-anak gadis yang terdiri daripada anak-anak yatim. Nasib mereka sangat tidak terbela dan menunjukkan taraf hidup wanita di sana sangat rendah pada pandangan masyarakat Mekah. Pada pandangan masyarakat Arab pra Islam, anak-anak yatim tidak mempunyai hak terhadap pewarisan harta dan yang lebih teruk lagi, anak-anak muda dijadikan objek penderaan seksual. Sebagai contoh, apabila penjaga membuat keputusan untuk mengahwini wanita-wanita cantik akan mendapat faedah (Jawad. H. A, 1998), iaitu:

- (1) Mereka dapat mengawal warisan wanita tersebut
- (2) Mereka juga dapat mengelak daripada membayar mas kahwin kepada wanita tersebut. Mereka tidak perlu memberi bahagian bahagian kepada anak yatim gadis jika rupa mereka menjadi hodoh.
- (3) Jika anak yatim tersebut meninggal, penjaga akan mendapat hak terhadap harta mereka.

Pada pandangan orang-orang Islam, anak-anak yatim juga mempunyai hak yang sama terhadap warisan pusaka mereka kerana Islam menekankan prinsip keadilan dalam masyarakat dan bertolak-ansur dalam semua perkara. Prinsip ini sepatutnya dijadikan rujukan oleh masyarakat agama lain agar semua anak-anak yatim terbela nasib mereka. Penting bagi kita sebagai umat Islam untuk menghindari amalan yang dibenci oleh Allah dan terhindar daripada mendapat azab kubur dengan membaca dan memahami ayat-ayat tersebut (Jawad H. A., 1998)

Memberi anak-anak yatim harta mereka. Jangan sesekali kamu tukar harta berharga mereka dengan harta yang tidak mempunyai nilai dan mengambil harta yang sepatutnya menjadi hak mereka, dan mengambilnya sebagai hak anda kerana ini boleh menjadi dosa besar kepada individu yang mengambil hak orang lain. Anak-anak yatim diberikan ujian sehingga mereka mencapai umur untuk berkahwin. Sekiranya mereka mampu berfikiran matang dan mempunyai kemampuan. Individu yang mengambil harta anak-anak yatim secara paksaan akan ditelan perut mereka oleh api neraka. Amalan sedekah kita akan dikatakan pada hari perhitungan amalan kita nanti. Seperti firman Allah S.W.T. :

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ قُلْ مَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ خَيْرٍ فَلِلَّوَالِدَيْنَ وَالْأَقْرَبَيْنَ
وَالْيَتَامَى وَالْمَسْكِينَ وَابْنَ السَّكِيلِ وَمَا تَعْمَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ
٢١٥

Maksud: Mereka bertanya apa yang perlu dibelanjakan? Katakanlah wahai Muhammad: "semua amalan yang dilakukan oleh anda akan pergi kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat, anak yatim dan musafir. Allah mengetahui segala amalan yang kamu kerjakan.

(Surah al-Baqarah, 2:215)

Menerusi ayat ini, Allah memerintahkan hamba-Nya beriman dan bertakwa dengan melakukan amalan yang baik kerana semua amalan yang dilakukan akan diberi balasan oleh Allah sama ada kepada kita atau orang disekeliling kita. Allah S.W.T. berfirman:

وَلَا نَقْرِبُوا مَالَ الْيَتَمِّ إِلَّا بِالْمِنْهَىٰ هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَمْلَأَ أَشْدَادَهُ وَأَوْفُوا
﴿٢٤﴾
 بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْوِلًا

Maksud: *Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim melainkan Dengan cara Yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), Sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya.*

(Surah *al-Isra'*, 17:34)

Menerusi ayat ini, Allah memerintahkan hamba-Nya agar berlaku adil dalam pembahaian harta pusaka dan tidak menafikan hak wanita dan anak yatim.

Bagi menghalang usaha yang dilakukan oleh orang-orang munafik pada masa akan datang yang menafikan hak wanita terhadap harta warisan, diturunkan ayat kepada Rasulullah s.a.w. bagi menyampaikan mesej yang sama dan menerangkan secara terperinci cara pembahagian harta dalam apa jua situasi (Jawad. H. A, 1998)

Separuh daripada harta si suami akan diwarisi oleh isteri-isteri jika beliau tidak mempunyai anak apabila meninggal dunia. Tetapi jika si suami meninggalkan anak-anak mereka maka satu perempat daripada harta mereka akan menjadi hak isteri selepas segala hutang suami dilangsakan. Sebagai isteri, mereka akan mewarisi satu perempat daripada apa yang ditinggalkan oleh si suami jika si suami tidak mempunyai anak tetap jika si suami meninggalkan anak-anak, isteri akan mewarisi satu perlapan selepas hutang si suami dijelaskan anda isteri-isteri. Apabila seorang lelaki atau perempuan meninggalkan bukan kanak-kanak, ibu bapa dan saudara-saudara mereka sama ada lelaki atau perempuan, individu yang ditinggalkan akan mendapat satu per enambelas daripada harta pemilik harta tersebut. Sekiranya terdapat harta yang lebih selepas pembahagian tersebut, mereka boleh berkongsi bayaran pertiga daripada harta tersebut selepas hutang si mati dilangsakan.

Walaupun Islam kukuh dan hak undang-undang wanita terjamin tetapi tetap ada suara yang tidak berpuas hati dengan cara pembahagian harta antara lelaki dan wanita. Individu yang tidak berpuas hati dengan

cara pembahagian harta pusaka menjadikan ayat yang membenarkan saudara untuk mengambil dua kali ganda harta yang diwarisi oleh saudara perempuan mereka sebagai rujukan, iaitu (surah 4:10) perkara ini menyebabkan maruah wanita dipandang rendah oleh masyarakat. Menurut mereka jika wanita diberi separuh bahagian lelaki akan memberi kesan yang menjelaskan wanita lebih rendah daripada lelaki. Perkara ini diguna oleh orang Islam dan bukan Islam. Faktor sosial, ekonomi dan jantina mempengaruhi segala isu tentang harta pusaka (Jawad H. A., 1998).

Allah menjelaskan bahawa hak seorang anak lelaki adalah sama dengan hak dua anak perempuan tetapi sekiranya lebih daripada dua perempuan, mereka akan memiliki dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan dan apabila terdapat satu sahaja maka dia akan memiliki separuh harta tersebut. Sekiranya si mati mempunyai kanak-kanak, ibu bapa akan diwarisi oleh setiap 6 tetapi bagi si mati yang tidak mempunyai anak dan ibu bapanya sebagai waris maka harta itu akan diwarisi oleh ibunya sebanyak satu pertiga. Ibu si mati akan memiliki keenam sekiranya beliau mempunyai adik-beradik selepas hutang si mati dilangsakan dengan sepenuhnya oleh waris.

Terdapat kandungan tentang hak warisan terhadap golongan wanita dalam al- Quran, iaitu wanita bukan sahaja mendapat harta warisan sebagai anak-anak perempuan tetapi sebagai ibu dan isteri. Selain itu, wanita juga diberi separuh bahagian pewaris lelaki. Dalam ajaran Islam, walaupun wanita itu tergolong dalam golongan yang kaya tetapi suami mesti menjaga isteri dari segi nafkah. Mereka juga tidak diwajibkan untuk menanggung segala hartanya yang terdapat di rumah mereka. Ketika akad nikah, pengantin perempuan menerima wang yang sangat besar daripada bakal suami mereka yang dipanggil sebagai mas kahwin atau mahar yang akan menjadi milik mereka sahaja. Kaum hawa boleh menggunakan atau membelanjakan wang tersebut mengikut pemikiran mereka. Seorang isteri juga menerima harta sebagai anak perempuan tanpa perlu merujuk kepada undang-undang sebagai sokongan terhadap beliau dan juga anak-anak. Berikut adalah ayat yang dikatakan oleh intelektual Islam yang terkemuka, iaitu Ikhwan al-Safa:

Terdapat ramai yang menceburi bidang metafizik dan falsafah selepas mereka mengkaji tentang Undang-undang Ilahi dan membandingkannya dengan apa yang difikirkan oleh mereka sendiri melalui kepintaran mereka. Selepas kajian itu mereka merasakan kebanyakannya isi kandungan Undang-undang Ilahi bercanggah dengan kebenaran, kejujuran dan keadilan. Antara contoh, jika pewaris lelaki mendapat dua kali ganda bahagian perempuan, mereka menganggap ini tidak betul kerana bagi mereka waris perempuan yang sepatutnya mendapat dua kali ganda harta pusaka tersebut berbanding lelaki. Ini berlaku kerana golongan intelektual ini tidak mengetahui dan memahami terhadap isi kandungan Undang-undang Ilahi. Sebagai contoh, apabila adik perempuan mewarisi harta daripada ibu bapa mereka 1000 dirham, dan kakak perempuan yang lain mendapat 500 dirham pada majlis perkahwinannya, dia akan mendapat 500 dirham lagi sebagai mas kahwin dan menjadikannya 1000 dirham, tetapi apabila adik perempuan yang berkahwin, mereka akan memberikan 500 dirham sebagai mahar yang membezakan mahar adik perempuan dengan kakak perempuannya sebanyak 500 dirham. Bagi mendapat kebenaran dan kejujuran kita perlu merujuk kepada isi kandungan Undang-undang Ilahi disebabkan dalam undang-undang tersebut mengandungi hasil yang dikehendaki. Bagi memberi kebaikan dan kejujuran kepada semua untuk sekarang dan masa depan Undang-undang Pemberi diperkenalkan.

Kewangan yang dimiliki oleh kaum wanita dijamin dalam jangka masa panjang walaupun mereka mendapat hanya separuh daripada waris lelaki. Perkara ini berlaku disebabkan mereka diberikan hak untuk meminta mahar yang dikehendaki dan boleh menuntut mahar tersebut tanpa perlu merujuk undang-undang. Allah memerintahkan orang lelaki melindungi saudara perempuannya dan memenuhi segala keperluannya dari segala aspek. Disamping itu, pihak berkuasa juga perlu membuat undang-undang yang boleh melindungi hak wanita.

Dalam undang-undang Islam, kedudukan wanita Islam dalam menuntut hak warisan adalah terjamin. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penentuan hak warisan untuk pewaris, iaitu politik, sosial, kebudayaan dan ekonomi. Apabila seseorang wanita memilih

untuk dikahwini dengan seorang lelaki yang mempunyai kedudukan secara automatik mereka akan tinggal bersama keluarga pihak lelaki. Mereka juga perlu menerima hakikat yang mereka akansentiasa dituduh mementingkan diri sendiri, tidak betanggungjawab, tidak bertimbang rasa dan tamak jika mereka enggan tinggal bersama keluarga suami mereka. Perkara ini berlaku diseluruh dunia Islam seperti Kashmir Azad Pakistan. Terdapat beberapa kes yang berlaku, iaitu: (Jawad. H. A, 1998).

Kes 1: Apabila seorang bapa yang kaya yang bernama Abdullah, 85 meninggal dunia dan beliau meninggalkan dua orang perempuan dan seorang anak lelaki. Sebelum beliau meninggal, Abdullah tidak membuat wasiat. Anak-anak perempuan Abdullah berkahwin dan mereka tidak lagi menuntut bahagian meeka terhadap harta pusaka.

Kes 2: Pasangan suami isteri yang mempunyai pendidikan yang tinggi, iaitu Ibrahim dan Fatima yang meninggal dunia tetapi Ibrahim meninggal dahulu sebelum isterinya. Beliau meninggalkan harta kepada isteri dan anak-anaknya yang terdiri daripada tiga lelaki dan seorang perempuan. Anak perempuan pasangan ini mengambil keputusan untuk tidak menuntut haknya ini harta pusaka ayahnya disebabkan berikut:

- (1) Dia tidak mahu hilang rasa hormat dan cinta abangnya jika dia menuntut harta pusaka tersebut kerana undang-undang yang ditetapkan.
- (2) Dia berfikir yang dia tidak mempunyai masalah kewangan jadi dia merasakan tidak memerlukan harta tersebut.

Kes 3: pasangan suami isteri yang mempunyai enam orang anak, iaitu dua lelaki dan empat perempuan. Apabila Fazel meninggal isteri dan anak-anaknya mengalami kesusahan kerana mereka tidak mempunyai harta pusaka yang ditinggalkan oleh suami dan ayah mereka melainkan sebidang tanah yang tidak luas dan tanah itu disimpan agar anak sulung akan bekerja di situ supaya dapat menampung keluarga.

HAK WANITA DALAM PEWARISAN HARTA DALAM SURAH AL-NISAA'

Islam merupakan agama yang adil sehingga isu pewarisan harta bagi kaum wanita juga terdapat dalam hadis dan al-Quran. Berpandukan nas al-Quran dan hadis, Islam mensyariatkan serta menggariskan senarai waris wanita yang berhak mewarisi harta pusaka dalam keluarga atau si mati. Mereka ialah isteri, ibu, nenek sebelah ibu dan bapa, adik beradik perempuan seibu sebapa, adik beradik perempuan sebapa, adik beradik perempuan seibu, cucu perempuan daripada anak lelaki dan anak perempuan. Selain itu, terdapat juga penjelasan mengenai pewarisan harta bagi kaum wanita dalam surah al-Nisa, Allah S.W.T. menjelaskan dalam surah ini pada ayat 7 yang bermaksud:

لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالآقِرُؤُونَ وَلِلنساءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ

أَوْلَادَانِ وَالآقِرَؤُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرَ نَصِيبًا مَّا مَرُوضًا



٤

Maksud: "Bagi kaum lelaki bahagian pusaka yang berhak dimiliki adalah daripada peninggalan ibu bapanya dan kaum kerabatnya, manakala bagi kaum wanita pula mereka berhak memiliki bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kaum kerabatnya".

(Surah *al-Nisa'*, 4:7)

Ayat ini juga membawa erti bahawa pewaris dari pihak perempuan sama ada dari pihak ibu bapanya dan kaum kerabatnya adalah diakui bahagian masing-masing dalam pembahagian harta pusaka. Islam juga menetapkan dalam pembahagian harta pusaka kadar agihan atau pembahagian harta pusaka berdasarkan kepada keperluan dan tanggungjawab yang bakal dipikul oleh pewaris. Oleh yang demikian jumlah atau kadar harta yang dibahagiakan kepada pewaris tidaklah sama rata. Seperti yang kita sedia maklum, tanggungjawab kaum lelaki terutama golongan suami amatlah berat berbanding kaum wanita, justeru itu pembahagian harta pusaka bagi kaum lelaki ditetapkan dengan kadar

yang lebih banyak berbanding bagi kaum wanita. Hal ini dijelaskan berdasarkan firman Allah S.W.T.:

لِلَّذِكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَنِ

Maksud: “*Bahagian pusaka seorang anak lelaki seperti dua bahagian pusaka perempuan*”

(Surah al-Nisa’ 4:11)

Oleh itu, dapat kita lihat melalui ayat ini faraid seorang anak lelaki adalah sama dengan bahagian faraid dua anak perempuan. Terdapat beberapa sebab kaum lelaki mendapat bahagian yang lebih banyak berbanding wanita (Norzulaili Mohd Ghazali, 2009) antaranya ialah:

- (6) Kaum lelaki perlu membayar maskahwin kepada wanita serta mereka perlu menyediakan tempat tinggal, makanan dan keperluan asas lain kepada isteri dan anak-anak mereka.
- (7) Kaum lelaki memerlukan wang yang banyak bagi menampung kos kehidupan sehari-hari keluarga, seperti kos ubat-ubatan, perbelanjaan pendidikan anak-anak dan sebagainya, manakala kaum wanita pula tidak perlu menanggung dan mengeluarkan nafkah untuk keluarganya. Hal ini kerana wanita akan ditanggung oleh bapa atau walinya jika masih belum berkahwin dan sekiranya sudah berkahwin semua perbelanjaan ditanggung oleh suami.

Melihat kepada sebab-sebab ini, ini jelas menunjukkan keadilan syariat Islam dalam pembahagian harta. Syariat Islam tidak hanya berat sebelah malahan lahir dengan keadilan dan tidak sama sekali mendiskriminasikan mana-mana pihak. Kita juga mengetahui Allah bersifat maha pengasih dan penyayang dan Dia tidak akan sesekali menzalimi hambanya. Walaupun jika dilihat secara kasar kaum wanita mendapat bahagian yang sedikit berbanding kaum lelaki tetapi pusaka yang kaum wanita warisi atau perolehi adalah milik mereka

semata-mata dan ia tidak perlu dikongsi dengan mana-mana pihak dan tidak punyai tanggungjawab menanggung seseorang. Sebaliknya kaum lelaki dibebani dengan tanggungjawab kewangan yang banyak dan berat terutama selepas mendirikan rumah tangga dan bergelar seorang suami dan bapa. Justeru itu wajarlah jika kaum lelaki mendapat atau mewarisi bahagian pusaka yang lebih berbanding kaum wanita. Bagaimanapun kadar yang ditetapkan dalam sistem pembahagian pusaka Islam ini boleh berubah dan masih boleh diketepikan jika ada persetujuan dan kerelaan pihak ahli waris untuk memberi semua atau sebahagian harta pusaka kepada mana-mana satu pewaris yang patut diberi perhatian dan pembelaan yang lebih.

HAK ANAK PEREMPUAN DALAM PEMBAHAGIAN HARTA

Dalam pewarisan harta pusaka bagi kaum wanita terdapat tiga kadar pusaka yang digariskan oleh Islam bagi anak perempuan, iaitu satu perdua, dua pertiga dan mewarisi harta pusaka dengan cara perkongsian.

Bagi anak perempuan yang lebih daripada dua orang dalam sesebuah keluarga kadar pembahagian harta diagihkan menerusi ayat dibawah:

فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَا هُنَّ تُلَهَّى مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً
فَلَهَا الْأَلْصَافُ

Maksud: "Dan jika anak itu semuanya perempuan lebih dari dua, maka bagi mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan, sebaliknya jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka dia memperoleh separuh harta dari peninggalan".

(Surah *al-Nisa'* 4:11)

Ayat ini menerangkan bahawa jika dalam sesebuah keluarga terdapat lebih daripada seorang perempuan maka mereka berhak mewarisi 2/3 daripada harta peninggalan dan jika terdapat seorang sahaja perempuan maka dia berhak mewarisi separuh daripada harta peninggalan.

Selain itu anak perempuan akan mewarisi satu perdua harta peninggalan bapa atau ibunya dengan beberapa syarat, antaranya:

- (1) Dalam keluarga tidak memiliki anak lelaki.
- (2) Terdapat hanya dia seorang sahaja dan tidak mempunyai adik-beradik perempuan yang lain.

Anak perempuan juga akan menerima atau mewarisi harta pusaka dengan cara perkongsian jika dalam keluarga mereka memiliki adik beradik lelaki, jika ini berlaku harta akan dibahagikan dengan cara adik beradik lelaki akan mendapat dua bahagian manakala anak perempuan mendapat satu bahagian. Selain itu, cucu perempuan juga mempunyai bahagian dalam pewarisan harta. Hal ini kerana cucu perempuan akan mengambil alih tempat anak perempuan sekiranya anak perempuan pewasiat tiada. Dari segi ini pula, kadar pembahagian harta adalah sama seperti kadar pembahagian harta pusaka terhadap anak perempuan, iaitu satu perdua, dua pertiga atau pewarisan menerusi perkongsian.

Manakala kadar pembahagian harta pusaka keatas kaum ibu pula dapat dilihat menerusi firman Allah:

وَلَا يَبْوَيْهِ لِكُلِّ وَجِدِ مِنْهُمَا أَلْسُدُّ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ

لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَةٌ، أَبْوَاهُ فَلِأَمِهِ أَلْثُلُثٌ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأَمِهِ أَلْسُدُّ

Maksud: "Dan untuk kedua-dua orang ibubapa, bagi masing-masing satu perenam dari harta yang ditinggalkan, jika orang yang meninggal mempunyai anak jika orang yang meninggal tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibubanya (sahaja), maka ibunya mendapat sepertiga; jika orang yang meninggal itu mempunyai beberapa saudara, maka ibunya mendapat seperenam".

(Surah *al-Nisa'* 4:11)

Menerusi ayat ini jelaslah bahawa kadar pewarisan pusaka kaum ibu terbahagi kepada dua, iaitu $1/6$ dan $1/3$. Kaum wanita akan mendapat $1/3$ daripada harta peninggalan dengan syarat:

- (1) Si mati tidak mempunyai anak atau cucu sama ada perempuan atau lelaki.
- (2) Si mati tidak mempunyai dua orang atau lebih adik beradik lelaki atau perempuan seibu sebapa atau sebapa atau seibu.

Manakala kadar pembahagian bagi 1/6 akan diterima oleh ibu si mati dalam dua keadan:

- (1) Sekiranya si mati mempunyai anak atau cucu sama ada perempuan atau lelaki
- (2) Jika si mati mempunyai dua orang atau lebih adik beradik lelaki atau perempuan seibu sebapa atau sebapa atau seibu.

HAK WANITA DALAM PUSAKA SEBAGAIMANA DALAM SURAH AL-NISAA'

Dalam ayat 12 surah al-Nisa' Allah berfirman terdapat dua hukum yang berkaitan dengan hak wanita dalam pusaka. Dalam ayat ini menyatakan hukum yang pertama ialah hak isteri terhadap harta peninggalan suami manakala keduamerupakan hak adik-beradik perempuan seibu ke atas pusaka si mati. Kadar pembahagian harta pusaka kepada pihak isteri dapat ditentukan menerusi ayat:

وَلَهُنَّ أَرْبَعٌ مِمَّا تَرَكْتُمْ إِن لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَإِن كَانَ
 لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الْثُمُنُ مِمَّا تَرَكْتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ
 ثُوْصُونَ بِهَا آؤَدَّينَ

Maksud: "para isteri memperolehi seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau (dan) sesudah dibayar hutang-hutangmu"

(Surah *al-Nisa'*, 4:11)

Ayat ini menjelaskan bahawa para isteri akan mendapat $\frac{1}{4}$ harta pusaka jika mereka tidak punyai anak-anak. Manakala jika mereka mempunyai anak, maka isteri berhak mendapat $\frac{1}{8}$ daripada harta peninggalan suami setelah dibayar hutang-hutangnya.

BILA WANITA BERHAK MENDAPAT LEBIH ATAU SAMA KADAR HARTA PUSAKA BERBANDING LELAKI

Kita mengetahui kebiasaananya lelaki berhak mendapat lebih jumlah harta pusaka berbanding wanita, namun dalam sesetengah keadaan wanita berhak mendapat lebih atau sama bahagian dengan kaum lelaki. Antara keadaan yang membolehkan wanita mendapat harta peninggalan lebih daripada kaum lelaki adalah:

- (1) Kedua ibubapa berhak mendapat $\frac{1}{6}$ harta pusaka jika si pewasiat mempunyai anak. Manakala adik-beradik seibu mendapat kadar yang sama tidak kira lelaki atau perempuan.
- (2) Melalui hibah yang bermaksud pemberian harta secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik (Kamus Dewan, 2002: 453). Sebagai contoh seorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan isteri, seorang anak perempuan dan seorang lelaki. Tetapi sebelum meninggal dunia si mati menghadiakan beberapa harta kepada anak perempuannya, maka dengan ini anak perempuan tersebut berhak mengambil hibah yang diwasiatkan kepadanya selain daripada mendapat harta pusaka dengan cara perkongsian dengan adik beradik lelaki.
- (1) Melalui takharuj, iaitu semua waris atau seorang waris bersetuju untuk menarik diri daripada mengambil haknya dalam pusaka dan mereka bersetuju untuk menerima sesuatu sebagai ganti sama ada daripada harta peninggalan atau pun tidak (Norzulaili Mohd Ghazali, 2009). Melalui cara ini wanita juga boleh mendapat harta pusaka lebih daripada apa yang ditetapkan oleh syarak.

Ketika zaman nabi dahulu diceritakan mengenai pembahagian harta kepada isteri yang diceraikan suami dan suami meninggal dunia semasa isteri masih dalam iddah. diriwayatkan bahawa Abdul Rahman bin Auf mempunyai empat orang isteri, ketika beliau sakit tenat beliau menceraiakan salah seorang isterinya, iaitu Tamadir binti al-asbagh dan beliau meninggal dunia ketika Tamadir masih dalam iddah. Oleh kerana Tamadir masih dalam iddah maka dia layak menerima harta peninggalan Abdul Rahman sebanyak 1/8 (Ibn Taymyah. 2000). Dapat disimpulkan meskipun isteri diceraikan namun masih lagi mempunyai hak untuk mewarisi harta suami dengan syarat tertentu.

RUMUSAN

Pandangan berserta contoh memberitahu kita bahawa Islam membawa konsep yang sama serta menitikberatkan kebijakan umatnya tanpa megambil kira tentang pangkat, keturunan dan jantina. Masyarakat dunia tidak boleh menafikan hak golongan wanita terhadap undang-undang tentang pembahagian harta kerana kedudukan wanita dan lelaki adalah sama disisi Allah.

RUJUKAN

- Al-Quran dan terjemahannya. 2007. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd. Pustaka Darul Iman.
- Ibn Taymyah. 2000). *Fatwas of Muslim Women*. 1st ed. Egypt al-Mansoura: Al-Manarah for translation, publishing & distribution.
- Imam A. M Khattab. 2012. *Is Women Equal to Man or Not?* <http://www.bangla-quran.co.uk/download/ebooks/Is%20Woman%20Equal%20To%20Man%20Or%20Not.pdf>, (21.4.2012)
- Jamal A. Badawi. 1980. *The Status of Women In Islam*. MSA of U. S. and Canada: Anis Ahmad, Director Dept. of Education and Training.
- Jawad, H. A. 1998. *The Right of Women In Islam: An Authentic Approach*. Britain: MacMillan Press LTD.
- Kamus Dewan Edisi 3. 2002. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norzulaili Mohd Ghazali. 2009. *Hak Wanita Dalam Pusaka Menerusi Ayat 11, 17 & 176 dalam surah al-Nasaa.* (17/3/2009. USIM lecturer conferen paper. <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/733> <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/handle/123456789/733/HAK%20WANITA%20DALAM%20PUSAKA%20MENERUSI%20AYAT%2011%2c%2012%20%20DAN%20176%20SURAH%20AL-NISA%E2%80%99.pdf?sequence=1>
- Shaarani Ismail. 2010. *Islam Letak Wanita di Tempat Istimewa.* http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Islam letak wanita di tempat istimewa/Article/print_html, (2010/04/16).
- Zulkifli Ahmad. 2012. *Pembahagian Pusaka Kepada Wanita.* http://www.mediajaya.biz/v3/index.php?option=com_content&view=article&id=53:pembahagian-pusaka-kepada-wanita&catid=35:artikel-umum&Itemid=56 (10/03/2012).